

SOALAN NO:17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ

TARIKH: 21 MAC 2018

SOALAN:

**Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi [ Sungai Besar ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bagaimanakah tahap kerjasama pihak swasta terutamanya melalui Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) dalam memenuhi hasrat Kerajaan bagi memberi peluang kepada golongan pekerja mahir tempatan untuk mengisi kekosongan pekerjaan dalam pelbagai bidang sebelum dibuka kepada pekerja asing.

PR-1361-L04493

25.

## JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia sentiasa bekerjasama dengan pihak persekutuan majikan dan kesatuan sekerja dalam usaha untuk memberi peluang pekerjaan kepada pencari kerja tempatan. Pelbagai jawatankuasa telah ditubuhkan seperti Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC), PEMUDAH, *Focus Group on Labour Market* dan jawatankuasa-jawatankuasa khusus di mana keanggotaan adalah terdiri daripada pihak Kerajaan, persekutuan-persekutuan majikan (bukan sahaja merangkumi MEF) dan kesatuan sekerja dalam mencari kaedah atau penyelesaian proaktif bagi mengurangkan kebergantungan pekerja asing.

2. Kementerian Sumber Manusia juga turut melibatkan industri dalam menggubal *National Occupational Skills Standards* (NOSS) untuk 29 sektor pekerjaan menerusi *Industry Lead Bodies* (ILB) bagi meningkatkan pengeluaran tenaga mahir tempatan dan seterusnya menggalakkan peralihan kepada industri berintensif automasi dan mekanisasi.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA  
HAJI MOHAMAD IMRAN  
BIN ABDUL HAMID (B)  
[ LUMUT ]**

**TARIKH : 21.3.2018 (RABU)**

**SOALAN : 18**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan tarikh sebenar projek perumahan Generasi Ke 2 FELCRA Berhad Lekir boleh diserahkan kepada pemilik dan siapakah senarai pemiliknya.

27

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, FELCRA akan memulakan kontrak pembinaan 102 unit Rumah Bina Negara (Rumah BN) untuk generasi kedua FELCRA Berhad Lekir, Manjung pada bulan Mac 2018 dan diunjurkan akan disiapkan sepenuhnya pada bulan Mac 2020.

Unit-unit Rumah BN tersebut akan diserahkan kepada generasi kedua berkenaan setelah memperolehi Sijil Siap dan Pematuhan (CCC) yang dijangka diperolehi pada bulan Mei 2020.

Dalam tempoh untuk menyiapkan pembinaan Rumah BN tersebut, FELCRA akan menguruskan proses jualan rumah mampu milik berkenaan dengan harga jualan tidak melebihi RM75,000.00/unit kepada pembeli (pemilik) yang berkeelayakan.

Pembeli Rumah BN FELCRA Lekir akan disaring dan dipilih dari kalangan generasi kedua peserta FELCRA Berhad Lekir berdasarkan kepada kriteria dan syarat sepertimana berikut;

- a) Warganegara Malaysia, berusia di antara 18-45 tahun dan telah berkahwin.
- b) Bermastautin di persekitaran FELCRA Kawasan Lekir, Manjung.
- c) Merupakan pembelian rumah pertama yang akan digunakan sebagai kediaman (bukan tujuan komersial).
- d) Pendapatan isirumah di bawah RM4,000.00 sebulan.